



REGIONAL SOUTHEAST ASIA HUMAN DIGNITY 2024

Maruah untuk Semua, di Mana Saja: Amalan Terbaik & Kisah Kejayaan dalam Membina Masyarakat Inklusif

halaman 2



halaman 5

Persidangan Indeks Literasi
Kewangan Islam Malaysia
2024



halaman 6

SATU PEMIMPIN SATU KAMPUNG:
Santuni MADANI @ Kampung Pinang
Kamunting, Taiping, Perak



halaman 7

Majlis Menandatangani
Memorandum Persefahaman
(MoU) antara CUMT bersama
IKIM

REGIONAL SOUTHEAST ASIA HUMAN DIGNITY 2024



06 OGOS - Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, berkenan bercemar duli merasmikan Regional Southeast Asia Human Dignity Conference 2024 bertemakan “*Dignity for Everyone, Everywhere: Best Practices & Success Stories for Building Inclusive Societies*” di Azman Hashim Auditorium, ACE Conference Centre. Persidangan anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) bersama Pusat Undang-Undang dan Pengajian Islam Antarabangsa Brigham Young University (BYU) itu bertujuan menyediakan platform bagi peserta berkongsi idea tentang pemeliharaan maruah diri, berlandaskan prinsip maqasid syariah. Antara tetamu kehormat yang hadir ialah YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara; YB Senator Dato’ Setia Dr. Hj. Mohd Na’im Hj. Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama); Prof. Dato’ Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM dan lain-lain .

Dalam perasmian tersebut, baginda bertitah pengiktirafan antarabangsa terhadap Malaysia sebagai contoh perpaduan dan kebersamaan masyarakat pelbagai kaum. Baginda menzahirkan kebimbangan terhadap isu penghinaan terhadap populasi minoriti di bahagian dunia yang dianggap inklusif. Baginda menyeru agar usaha bersama dilakukan bagi memastikan setiap individu dihormati dan memiliki maruah diri tanpa mengira latar belakang. Persidangan dua hari ini bertujuan mencari penyelesaian praktikal untuk membina masyarakat inklusif dan menghormati martabat manusia.

02 OGOS - Kunjungan Hormat dan perbincangan oleh delegasi Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia (UPM) bertemu Ketua Pengarah IKIM di Bilik Mesyuarat Blok E.

05 OGOS - Kunjungan Hormat & perbincangan dari delegasi *Center For Civilizational Dialogue* diketuai oleh Dr. Hani Albalawi bertemu Pengerusi IKIM di Bilik Mesyuarat Blok E.

08 OGOS - Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bersiaran dalam temubual menerusi slot Ruang Bicara di BERNAMA TV membincangkan tajuk “Dalang dan Petualang di Sebalik Rusuhan UK”.

09 OGOS - Majlis Perhimpunan dan Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bersama YB Senator Dato’ Setia Dr. Hj. Mohd Na’im bin Hj. Mokhtar di Dewan Datuk Mohd Shahir, ILIM, Bangi.



13 OGOS - Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh, Pengarah RMU IKIM diundang oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ke Sesi Libat Urus Bioetika Negara bertempat di MIGHT, Cyberjaya. Beliau yang juga Ahli Majlis Bioetika Negara (MBen) telah menyampaikan ucapan utama bertajuk “Bioetika di Malaysia: Di Manakah Kita?”.



LAWATAN OLEH MENTERI KOMUNIKASI MALAYSIA

20 OGOS - YB Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi Malaysia hadir ke konti radio IKIMfm bagi memenuhi jemputan sebagai tetamu dalam rakaman temu bual khas berkaitan “Perlesenan Media Sosial dan Tema Hari Kebangsaan 2024: Malaysia MADANI Jiwa Merdeka” yang disiarkan pada 30 Ogos 2024. Kehadiran beliau disambut Prof. Dato’ Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM serta Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM.



KUNJUNGAN HORMAT KE ISLAMIC BANKING & FINANCE INSTITUTE MALAYSIA (IBFIM)

23 OGOS - Kunjungan hormat delegasi IKIM yang diketuai Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bertemu En. Yusry Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif, Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) di Bangunan AICB, Kuala Lumpur. Pertemuan yang diadakan ini bagi membincangkan kerjasama antara dua-hala.

20 OGOS - Lawatan penanda aras dan sesi perbincangan delegasi IKIM yang diketuai oleh Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM bersama Prof. Ir. Ts. Dr. Mohamed Thariq Hameed Sultan, Pengarah Pusat Penerbit, Universiti Putra Malaysia (UPM) di Pusat Penerbit UPM.

23 OGOS - Dr Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh, Pengarah Penyelidikan, IKIM telah menghadiri Bengkel Memuktamadkan Semakan Semula Draf MS1900 yang diurus setiakan oleh Jabatan Standard Malaysia.

SEMINAR THINKING WITH WISDOM 2024

26 OGOS - Telah berlangsung seminar “Thinking With Wisdom 2024” di Grand Banquet Hall, Residensi UTM, Kuala Lumpur. Antara penceramah yang terlibat ialah Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM; Dr. Muhammad Husni Mohd Amin, Fellow, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, (KIAS) serta Dr. Muhammad Syafiq Borhanuddin, Fellow Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS).



30 OGOS - Kunjungan hormat dari pihak Institute Al-Aqsa for Peace Research (ISA) bertemu Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Bilik Mesyuarat Blok A, IKIM.

06 SEPTEMBER - Kunjungan hormat dan sesi perbincangan delegasi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bertemu IKIM diketuai oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Bilik Mesyuarat Blok A. Kunjungan ini bagi membincangkan halatuu kerjasama dalam penganjuran Seminar Intellectual Dialogue: Empowering MADANI Values in Higher Education.



08 SEPTEMBER - Mesyuarat Jawatankuasa Keunggulan Media telah berlangsung dipengerusikan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bersama Ahli Jawatankuasa Luar, Pengarah Pusat Media, Ketua Unit dan Pengurus di Pusat Media IKIM berlangsung di Bilik Mesyuarat Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Kuala Lumpur.

Tujuan mesyuarat itu dianjurkan adalah membincangkan strategi dan inisiatif terbaru dalam memajukan keunggulan media serta memperkukuhkan kerjasama antara semua pihak yang terlibat.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN IKIM BIL.2/2024



02 SEPTEMBER - Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 2/2024 IKIM berlangsung di Dewan Seminar, Agensi Angkasa Malaysia (MYSA). Pada majlis itu, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM telah menyampaikan ucapan penting berkenaan budaya dan tata kelola kerja. Beliau menekankan bahawa integriti merupakan asas kepada pembangunan organisasi yang mampan. Setiap individu perlu menjalankan tugas dengan penuh kejujuran dan tanggungjawab agar dapat membina kepercayaan serta kredibiliti, bukan sahaja di peringkat dalaman tetapi juga di mata masyarakat.

Ketua Pengarah turut meluangkan masa dalam sesi pertanyaan bersama warga IKIM, memberikan peluang untuk menyuarakan pandangan, berkongsi cadangan, dan mengemukakan pertanyaan. Perbincangan yang berlaku dalam suasana terbuka itu mencerminkan komitmen IKIM terhadap keterbukaan dan kesediaan untuk mendengar pandangan semua pihak.

08 SEPTEMBER - Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bersama Pengarah BKP dan Ketua Pegawai Audit Dalam menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Pemantauan Isu-isu Laporan Ketua Audit Negara Yang Berstatus "Dalam Tindakan" di Portal Auditor General's Dashboard Jabatan Perdana Menteri Bil. 1 Tahun 2024.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Datuk Abdul Halim Bin Hamzah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan).

PERSIDANGAN INDEKS LITERASI KEWANGAN ISLAM MALAYSIA

10 SEPTEMBER - Persidangan Indeks Literasi Kewangan Islam Malaysia telah berlangsung di Hotel Sunway Putra. Secara umumnya indeks hasil kajian bersama oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ini sangat bermanfaat kepada masyarakat Islam dalam menambahkan usaha yang perlu dilakukan untuk memperkasakan lagi sektor kewangan Islam di Malaysia. Persidangan itu dirasmikan oleh YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Persidangan dengan kerjasama Permodalan Nasional Berhad (PNB) selaku penaja itu turut dihadiri oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur bin Manuty, Pengerusi IKIM; Prof Dato' Dr. Roslee Rajikan, Pro Naib Canselor UKM; Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM; Encik Azaddin Ngah Tasir, Ketua Pegawai Eksekutif AKPK; dan Dr. Ahmad Basri Ibrahim, Ketua Pengurusan Syariah PNB.



PELANCARAN BUKU "ISLAM & PERTANIAN" DI MAHA 2024

22 SEPTEMBER - Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) melancarkan buku "Islam & Pertanian" di MAHA 2024, MAEPS Serdang. Pelancaran disempurnakan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin bersama Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, dan disaksikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Intipati buku itu menyentuh tentang membincangkan pertanian dan sekuriti makanan dalam perspektif Islam, termasuk kelestarian sejarah pertanian negara, muamalat Islam, dan panduan al-Quran serta hadis berkaitan. Karya inimenjadi rujukan penting bagi sektor pertanian dalam mengimbangi amalan pertanian dengan tuntutan agama.



16 SEPTEMBER - Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan 1446H/2024 berlangsung pada 16 September 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Turut sama ialah Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM serta barisan kontinjen IKIM mewakili badan agensi agama di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

26 SEPTEMBER - Dr Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh, Pengarah Penyelidikan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) diundang oleh Bahagian Teknologi Strategik dan Aplikasi S&T, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai ahli panel bersempena Seminar Bioetika Peringkat Kebangsaan yang julung-julung kali diadakan. Seminar ini diadakan di Mövenpick Hotel and Convention Centre.



02 OKTOBER - Lawatan ke Menara KL bagi meninjau kerjasama di antara pihak BEP dan Pusat Media bersama pengurusan Menara KL. Perbincangan bersama Puan Aemizureen Kamarudin, (Chief Business Development (CBD) & bahagian jualan Menara KL.

09 OKTOBER - Bengkel Pemurnian Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang dihadiri oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM; Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah serta Ahli Jawatankuasa OACP di Bangi Resort Hotel.

15 OKTOBER - Kunjungan hormat dari Prof. Hamidullah Marazi, Penyelidik Jemputan, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) bertemu Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi IKIM di Bilik Mesyuarat Lembaga Pengarah.

SATU PEMIMPIN SATU KAMPUNG: SANTUNI MADANI @ KAMPUNG PINANG, KAMUNTING, TAIPING, PERAK

12 OKTOBER - Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) memilih Kampung Pinang, Kamunting sebagai kampung angkat menerusi Program Satu Pemimpin Satu Kampung (Santuni MADANI) yang dirasmikan oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Dewan Kampung Pinang, Kamunting, Taiping, Perak. Program ini dianjurkan bagi menyahut hasrat YAB Perdana Menteri dalam mendekatkan diri kepada masyarakat bagi membantu meningkatkan keupayaan masyarakat serta potensi kampung yang dipilih.

Sementara itu, pelbagai pengisian menarik turut diadakan sepanjang program berlangsung termasuk pemeriksaan kesihatan percuma, Forum Bicara Ad-Din, cabutan bertuah dan jamuan rakyat khusus untuk penduduk kampung selain lawatan ke Pusat Pengajian Madrasah At-Tazkiyyah. Turut berlangsung agihan sumbangan berupa barangan keperluan harian dari Nestle dan Yayasan Taqwa Malaysia kepada golongan asnaf tertentu

Antara tetamu yang hadir pada program itu ialah ACP Mohamad Nasir Ismail, Ketua Polis Daerah Taiping; Mohd Nasrul Menhat, Pegawai Daerah Larut Matang Selama; dan Mohamad Zakuwan Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Pinang.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSAFAHAMAN (MoU) ANTARA CUMT DAN IKIM



21 OKTOBER - Delegasi IKIM diketuai Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM serta beberapa pegawai IKIM menghadiri *Grand Opening Ceremony of Cambodia University of Management and Technology (CUMT)* yang berlangsung di OCIC, Phnom Penh, Kemboja.

Majlis MoU itu diadakan sempena upacara pembukaan CUMT yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan, Belia dan Sukan Kemboja, Dr. Hangchoun Naron. Kira-kira 1,000 orang hadirin yang terdiri daripada rakan penaja, pensyarah universiti dan wakil NGO menghadiri majlis tersebut.

22 OKTOBER - Seminar Penggunaan Mampai: Asas Kelestarian Alam Sekitar dan Kesejahteraan Masyarakat dirasmikan oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM di Dewan Podium B, Menara KBS, Putrajaya. Turut hadir Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dan Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah.



23 OKTOBER- Kunjungan Hormat oleh Delegasi Uzbekistan serta Institut Islam Hadhari UKM ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) disambut dan diraikan oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dan pegawai kanan IKIM di Bilik VIP. Kunjungan itu bagi membincangkan kerjasama dua hala antara institusi dan budaya dua-negara.

27 OKTOBER - Kunjungan hormat IKIM diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Mohamad Nur Manuty, Pengerusi IKIM & Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bertemu dan berbincang bersama Tengku Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz, YDP Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) di The Grand Renai, Kota Bharu Kelantan.

GOTONG ROYONG PERDANA IKIM 2024



22 OKTOBER - IKIM menganjurkan Gotong Royong Perdana untuk memupuk budaya kebersihan dan kelestarian alam sekitar selaras dengan prinsip 7K, 5K, dan 5S. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM menyatakan bahawa kebersihan dan keindahan pejabat bukan sahaja memberi keselesaan kepada warga kerja tetapi juga memikat perhatian tetamu.

Beliau turut menekankan pentingnya kesihatan warga IKIM dengan mewajibkan saringan kesihatan bagi staf berusia 40 tahun ke atas. Langkah ini bertujuan memastikan semua warga kerja berada dalam keadaan sihat untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan produktif.



02 NOVEMBER - Kunjungan IKIM diketuai oleh En. Al Iskandar bin Mokhtar, Pengurus Besar Bahagian Ekonomi & Pemasaran (BEP) bertemu dengan pihak QSR Brands bagi kerjasama melaksanakan tanggungjawab sosial korporat antara kedua belah pihak.

06 NOVEMBER - Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM merasmikan *International Conference on Heritage Tourism in Oman* bagi pihak YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di Muzium Kesenian Islam Malaysia. Turut hadir ialah Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM, Professor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, Rektor UIAM dan delegasi daripada negara Oman.

09 NOVEMBER - Sesi taklimat khas dipengerusikan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bersama SS Datuk Dr. Luqman Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan mengenai Rang Undang-undang (RUU) Mufti kepada Ketua-ketua Agama Bukan Islam di Dewan Syura B, JAKIM, Kompleks Islam Putrajaya, Putrajaya.

KUNJUNGAN HORMAT KE INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM)

08 NOVEMBER - Kunjungan hormat delegasi IKIM ke Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) yang diketuai oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM disambut oleh Pn. Nor Safina Bt. Zainal, Pengarah Kanan ILIM pada Bangunan ILIM, Bangi. Turut sama ialah Pn. Zawiah Md. Sari dan Pn. Hajah Nik Hasnah Ismail.



KUNJUNGAN MAHABBAH KEPADA REKTOR UIAM



13 NOVEMBER - Kunjungan hormat delegasi IKIM diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM bertemu Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, Rektor UIAM. Turut hadir sama ialah Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi; Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM serta Pegawai-Pegawai Kanan IKIM. Perbincangan dan pertemuan itu berlangsung di Bilik Conference, Pejabat Rektor UIAM.



KUNJUNGAN HORMAT OLEH MUHAMMADIYAH

13 NOVEMBER - Kunjungan Hormat delegasi Muhammadiyah yang diketuai oleh Dr. Hendry Sayuti, M. AG, Ketua PVV Muhammadiyah, Riau bertemu dan berbincang bersama Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM, di Bilik VIP. Turut sama ialah Tn. Haji Abu Bakar Yang, Pengarah Bahagian Wakaf serta En. Mohd Noor Omar, Fellow Pusat SYARAK.

19 NOVEMBER - Kunjungan hormat dan sesi perbincangan delegasi IKIM diketuai oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bertemu dengan Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff, Pengarah INTAN, Bukit Kiara di Bilik Mesyuarat Seri Tanjung, INTAN Kampus Utama, Bukit Kiara.



23 NOVEMBER - Majlis Perasmian Kapsul Pelan Al-Falah sempena Sambutan 2 Tahun Kerajaan Madani di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) bersama YBM Senator Dato' Seri Setia Mohd Na'im bin Mokhtar, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di Pavilion KLCC. Turut hadir sama ialah Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dan ketua-ketua agensi di bawah Hal Ehwal Agama.



SEMINAR MASYARAKAT MADANI 2024: KE ARAH PEMBINAAN PERADABAN IHSANI



21 NOVEMBER - Seminar Masyarakat Malaysia Madani 2024: Ke Arah Pembinaan Peradaban Insani dirasmikan oleh YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di Grand Ballroom, Royale Chulan Damansara. Seminar ini bukan sahaja menyentuh aspek keagamaan tetapi juga membawa mesej yang lebih luas termasuk kepada penggubal dasar, eksekutif dasar serta masyarakat umum.

Turut hadir pada seminar ini ialah Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamad Adil, Ketua Pengarah IKIM.

MAJLIS APRESIASI & RAMAH MESRA BERSAMA MEDIA IKIM 2024



27 NOVEMBER - Majlis Apresiasi dan Ramah Mesra bersama Media IKIM 2024 berlangsung dengan kehadiran YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), bersama Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM; Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM serta barisan pengurusan tertinggi IKIM.

Majlis itu diadakan bagi menghargai sumbangan dan jasa pengamal media yang telah membantu melonjakkan nama IKIM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. IKIM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para pengamal media atas kerjasama erat serta sokongan kukuh agar IKIM dapat menyampaikan mesej-mesej ilmiah dan kefahaman Islam kepada masyarakat.

28 NOVEMBER - Taklimat Pekeliling Perkhidmatan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) kepada seluruh warga kerja IKIM telah disampaikan oleh Pn. Zawiah Md Sari, menjalankan Tugas Pengarah Khidmat Pengurusan (BKP) di Dewan Sajian IKIM.

Taklimat ini diadakan bagi memberi penerangan penyelarasan gaji baharu, dasar serta peraturan baharu yang dilaksanakan selaras dengan objektif reformasi perkhidmatan awam berkuatkuasa pada 1 Disember ini.

JELAJAH MAHABBAH MADANI IKIMfm @ KEDAH 2024

Jelajah Mahabbah MADANI IKIMfm Kedah 2024 telah berlangsung dari 15 hingga 17 November 2024, dirasmikan oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Turut diadakan pelbagai aktiviti seperti sesi perkongsian ilmu melalui rancangan Khabar Orang Muda bersama Suffian Amrin, Ustaz Azam Al-Kankari, Lah Ahmad, dan Muhammad Hafizzudin Zolkifely (siswa UUM).

Selain itu, Ziarah Masjid IKIMfm di Murtadha Dakwah Centre (MADAD) Sungai Petani dan Masjid Al-Busyra Merbok, serta Ziarah Mahabbah IKIMfm di Lembaga Zakat Negeri Kedah dimeriahkan dengan penyertaan dari warga kerja Pusat Media diketuai oleh Tn. Hj. Fuad bin Mat Ali, Pengarah Pusat Media serta para penyampai IKIMfm seperti Syafiq Salleh, Erwan Johari, dan Batrisya Afrina serta mendapat sokongan rakan strategik QSR Brands (M) Sdn. Bhd.


ALAM RIA SI KECIL IKIMfm KEMBALI TEMUI PEMINAT CILIK

Alam Ria Si Kecil kembali untuk musim baharu 2024, bersiaran setiap Sabtu jam 9 pagi di IKIMfm. Menampilkan DJ Kak Aina dan penyampai cilik jemputan DJ Farisha, rancangan ini memasuki musim ke-16 dengan konsep segar serta segmen baharu seperti Teladan Nabi, Kerjaya, dan Pendapat.

Program ini juga disiarkan secara langsung di Facebook IKIMfm, memberi peluang interaksi lebih luas kepada kanak-kanak. Dengan pendekatan kreatif dan bimbingan positif, Alam Ria Si Kecil kekal menjadi rancangan kegemaran generasi muda.



IKIMfm BERSIARAN 12 JAM DI MENARA KUALA LUMPUR



IKIMfm mencipta sejarah dengan siaran luar 12 jam dari ketinggian 288 meter di Menara Kuala Lumpur melalui program IKIMfm X Menara KL sebagai usaha promosi strategik bersama Menara KL, yang juga meraikan ulang tahun ke-28. Siaran langsung dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang ini disambut dengan rasa syukur oleh Ketua Pengarah IKIM, sementara Pengerusi IKIM, Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, turut berkongsi kegembiraan atas peningkatan pendengar IKIMfm kepada hampir 1.3 juta orang. Ketua Pegawai Eksekutif Menara KL, En. Nazli Saad, memanfaatkan program itu bagi mempromosi acara-acara menarik di Menara KL.

IKIMfm BAWA PULANG ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN 2024

IKIMfm dinobatkan dengan pencapaian merit bagi kategori Media Penyiaran Radio yang pertama kali diperkenalkan dalam Anugerah Media Pembinaan CIDB 2024 (AMP 2024). IKIMfm meletakkan rancangan Analisis dengan kupasan tajuk “Ke Mana Hilangnya Jurutera” terbitan Hj. Mahathir Shaharuddin, Pengurus Besar IKIMfm yang membolehkan beliau membawa pulang wang tunai RM1,000, trofi serta sijil.

Pada majlis itu, seramai 40 pengamal media menerima anugerah dan sebanyak 191 penyertaan diterima bagi semua kategori sejak penyertaan dibuka pada April. AMP 2024 yang dianjurkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB0 dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya (KKR) ini bertujuan menggalakkan kandungan kewartanan dan media massa mengenai industri pembinaan termasuk kupasan berkaitan isu keselamatan, kelestarian alam sekitar serta penggunaan teknologi.



AL-BUKHARY INTERNATIONAL UNIVERSITY RANGKUL JOHAN VIPKI ANJURAN IKIM

Al-Bukhary International University dinobatkan sebagai johan dalam pertandingan Mereka Cipta Video Pendek Kefahaman Islam (VIPKI) Harmoni 2024 anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) melalui video bertajuk ‘Kembali’. Video yang membawa mesej keharmonian masyarakat berbilang kaum ini melayakkan mereka membawa pulang hadiah wang tunai RM15,000, trofi, dan sijil penyertaan. Majlis penyampaian hadiah di Hotel Royale Chulan Damansara disempurnakan oleh Prof. Dato’ Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM; dengan kehadiran tetamu kehormat seperti Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dan Dato’ Kamil Othman, Pengerusi FINAS.

Pertandingan ini menerima 125 penyertaan dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta, dengan hanya lapan kumpulan mara ke peringkat akhir. Naib johan dan tempat ketiga dimenangi oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), manakala lima pemenang menerima saguhati bagi setiap kumpulan.



SEKALUNG TAHNIAH



Setinggi-tinggi
Tahniah

Tan Sri Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas
atas pengurniaan wafatkan pelantikan sebagai
Profesor Diraja
oleh KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim
pada
23 OKTOBER 2024

Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI



Setinggi-tinggi
Tahniah

Mohd Zafri bin Abdul Karim
Ketua Pustakawan
Perpustakaan Tun Ahmad Sarji (PTAS)
atas pelantikan sebagai
**AHLI JAWATANKUASA
PERPUSTAKAAN ISLAM (JKPIM)
SESI 2024 - 2026,
PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA**

Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI



Setinggi-tinggi
Tahniah

PROF. MADYA DATO' DR. MOHAMED AZAM BIN MOHAMED ADIL
Ketua Pengarah IKIM
atas pelantikan sebagai
**AHLI TETAP
(PAKAR WAKIL AGENSI KERAJAAN)
BAGI JAWATANKUASA
PENASIHAT INSTITUT**
DI INSTITUT PENYELIDIKAN PRODUK HALAL,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI



Setinggi-tinggi
Tahniah

Prof. Emeritus Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin
Ahli IKIM
atas pelantikan sebagai
**AHLI MAJLIS KEBANGSAAN
BAGI HAL EHWAL AGAMA
ISLAM MALAYSIA (MKI)**
berkuatkuasa pada
1 OGOS 2024 - 2026

Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI



Setinggi-tinggi
Tahniah

Dr. Nik Roskiman bin Abdul Samad
Fellow Utama Pusat Syariah Undang-Undang & Politik (SYARAK) IKIM
atas pelantikan sebagai
**ANGGOTA JAWATANKUASA
DAKWAH (JKD) SESI 2024-2026
MAJLIS AGAMA ISLAM
SELANGOR (MAIS)**

Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI



Setinggi-tinggi
Tahniah

Prof. Emeritus Dr. Mohd Nazari bin Ismail
(AHLI IKIM)
atas penganugerahan gelaran
**Profesor Emeritus
Universiti Malaya (UM)**
berkuatkuasa
01 DISEMBER 2024

Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Tertinggi serta
Warga Kerja Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI

**MENCINTAI
RASULULLAH SAW**
Jalan Menuju Syurga

Rasulullah SAW bersabda :

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَلَدِهِ وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ
 "Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehinggalah **aku lebih dicintainya berbanding ayahnya, anaknya dan sekalian manusia.**"
 (Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 15)

Saidina Anas RA meriwayatkan bahwa seorang lelaki datang dan bertanya Rasulullah SAW: "Bilaakah akan berlaku hari kiamat?" Jawab Baginda: "Apakah kamu sediakan untuk hari kiamat?" Lelaki itu berkata: "Tiada apa melainkan aku mencintai Allah dan Rasul-Nya SAW."

Maka Rasulullah SAW bersabda:

أَنْتَ مَعَ مَنْ أُحِبُّنَا

"Kamu akan bersama dengan orang yang kamu cintai."

Anas menyebut “Kami tidak pernah rasa sangat gembira seperti gembiranya mendengar hadis ini. Aku mencintai Rasulullah, Abu Bakar dan Umar. Aku berharap akan dapat bersama mereka di akhirat kelak sekalipun aku tidak mempunyai amalan seperti mereka.”

3 CARA untuk Taubat Kita Diterima oleh Allah SWT

Menurut Al-Imam Nawawi dalam kitab "Riyadhus Salihin", ada 3 cara untuk taubat kita diterima oleh Allah SWT yaitu:

- 1.** *Berniat dan berperilaku baik untuk tujuan benar-benar meninggalkan maksiat. Kalau dulu tidak solat, sekarang sudah solat di awal waktu.*

- Menyesal atas dosa yang telah dilakukan. Rasulullah SAW bersabda: "Penyesalan adalah salah satu taubat"** 2.
- (Disahihkan Albani dalam sahih Ibnu Majah)

- 3.** Bertekad dengan sungguh untuk tidak mengulangi lagi perbuatan maksiat. Meninggalkan maksiat kerana takut akan Allah SWT dan bukan kerana hal lain.

**Tidak
MENDEDAHKAN
AIB PASANGAN!**

KETAHUILAH BAHAWA

Suami dan isteri itu sifatnya saling melindungi. Dalam Al-Quran, Allah SWT memberikan perumpamaan bahwa suami dan isteri itu adalah ibarat pakaian yang saling menutupi keaiban mereka, saling melindungi sesama mereka, dan memelihara mereka dari disakiti. Firman Allah:

هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ

"Isteri-isteri kamu itu adalah seumpama pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagainya pakaian bagi mereka."

Himpunan Hadis

Masjid
sebagai rumah orang bertakwa

Rasulullah SAW bersabda

Masjid itu umpama rumah bagi orang-orang yang bertakwa. Allah menjamin kepada orang yang menjadikan masjid sebagai rumahnya dengan roh yang damai rahmat dari Allah melimpah-limpah dan melepasi titian Sirat Al-Mustaqim menuju reda Allah di dalam syurga.

(HR Tabrani No. 6020)

MALAYSIA MADANI UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

Himpunan Hadis

**Rahmah
Kepada Semua**

Rasulullah SAW bersabda

“Kamu tidak dikira beriman sehingga kamu berkasih sayang (saling rahmah).” Para Sahabat berkata: “Wahai Rasulullah, kami semua telah berkasih sayang.” Baginda bersabda: “(Maksud aku) bukan seperti kasih sayang seseorang kamu terhadap kawannya, tetapi rahmah kasih sayang terhadap seluruh manusia, rahmah secara umum (kepada seluruh makhluk)”

(HR Al-Hatyami dalam Majma' al-Zawaid 8/198)

MALAYSIA MADANI UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

Himpunan Hadis

Larangan membuat

Tuduhan

Rasulullah SAW bersabda

Tidaklah seseorang melemparkan tuduhan kepada orang lain dengan kefasikan, dan tidak pula menuduh dengan kekufuran melainkan (tuduhan itu) akan kembali padanya, jika saudaranya tidak seperti itu.

(HR Bukhari No. 5585)

MALAYSIA MADANI UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)



YBrs. Dr. Mohd Farid Mohd Shahrar, Fellow Utama Pusat SYARAK berkongsi pandangan bertajuk “Ulama, si Jahil Tak Boleh Satu Gelanggang Debat Ilmiah” dalam ruangan akhbar Berita Harian pada 25 Oktober 2024 (Jumaat).



YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM berkongsi pandangan bertajuk “Semua bertanggungjawab fahami kedudukan Islam dalam Perlembagaan” dalam ruangan akhbar Berita Harian pada 15 Oktober 2024 (Selasa).

YBrs. Dr. Nor Azaruddin Husni H. Nuruddin berkongsi pandangan bertajuk “Kita masih belum merdeka selepas 67 tahun” dalam ruangan akhbar Utusan Malaysia pada 16 Ogos 2024 (Jumaat).

Misi pengaman perlukan perikatan
baharu **semangat Hilf al-Fudul**



YBrs. Dr. Muhammad Husni Mohd Amin berkongsi pandangan bertajuk “ Misi pengaman perlukan perikatan baharu semangat Hilf al-Fudul” dalam ruangan akhbar Berita Harian pada 1 September 2024 (Ahad).



LIPUTAN AKHBAR



Al-Qaradhwawi pemikir idea masyarakat Madani

[illegible]

En. Mohd Noor Omar, Fellow Pusat SYARAK berkongsi pandangan bertajuk “Al-Qaradhawi pemikir idea masyarakat Madani” dalam ruangan akhbar Utusan Malaysia pada 14 Oktober 2024 (Isnin).

Buta kewangan bersifat sejagat,
jejas kesejahteraan hidup

- Masalah ini banyak beri kesan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah, ia akan menyebabkan masalah kemiskinan berlarutan dan memburukkan lagi ketidaksamaan pendapatan penduduk
- Orang Melayu paling ramai mencatatkan kes mufils, iaitu sebanyak 58 peratus berbanding Cina (25 peratus), India (8 peratus) dan lain-lain sebanyak 8.67 peratus



Unggi mengaku penjudi dalam hal ini. Kebanyakan mereka memang juga telekomunikasi seperti sektor lain, pemain yang kalah akan kalah. "Kalau menang, Siku mau pindah tempat. Kalau kalah, mau sebagai polisi berkinerja dan kekuatan perangnya. Kalau menang, akan ada antara penguasa dengan warga emas mudah menang," katanya.

Ada satu lagi masalah dihadapi warga emas, ialah masalah simpanan hari tua tidak mereka miliki. "Kalau menang, Simpanan Pokor (KWSP) dan dapatkan kapak berkinerja untuk perawatannya. Kalau kalah, mungkin akan jadi masalah," katanya.

YBrs. Dr. Muhammad Hisyam Mohamad, Pengarah Pusat EMAS berkongsi pandangan bertajuk “Buta Kewangan bersifat sejagat, jejas kesejahteraan hidup” dalam ruangan akhbar Berita Harian pada 20 November 2024 (Rabu).

Falsafah MADANI antara 6 faktor PM disenarai

[illegible][illegible]

Suasana kondusif, harmoni elak
pekerja alami tekanan mental

[illegible]

En. Khairul Azhar Idris, Fellow Pusat EMAS berkongsi pandangan bertajuk “Suasana konfusif, harmoni elak pekerja alami tekanan mental” dalam ruangan akhbar Berita Harian pada 11 Oktober 2024 (Jumaat).



Asha'irah Maturidiyyah untuk difahami bukan diperangi

[illegible]

YBrs. Dr. Mohd Farid Mohd Shahrar, Fellow Utama Pusat SYARAK berkongsi pandangan bertajuk “Asha’irah Maturidiyyah untuk difahami bukan diperangi” dalam ruangan akhbar Utusan Malaysia pada 15 November 2024 (Jumaat).

YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM berkongsi pandangan mengenai “Falsafah MADANI antara 6 faktor PM disenarai” dalam ruangan akhbar Berita Harian halaman m/s 3 pada 10 Oktober 2024 (Khamis).



BULETIN IKIM

Edisi 3 | Ogos- November 2024



@myikim